

Headline	Eksekutif halal bantu industri makanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	349 cm ²
Journalist	Rosniza Md Taha	AdValue	MY 11,770
Frequency	Daily	PR Value	MY 35,310



Eksekutif halal bantu industri makanan

Oleh Rosniza Mohd Taha
roniza@bharian.com.my

GOMBAK: Seramai 70 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima sijil tamat latihan Program Eksekutif Halal.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata sebahagian besar lulusan itu akan berkhidmat dalam industri makanan dan minuman iaitu sektor perniagaan yang menggunakan proses pensijilan halal secara meluas untuk manfaat umat Islam dan masyarakat bukan Islam.

"Dengan adanya pelantikan Eksekutif Halal dalam syarikat, pengetahuan dan pematuhan terhadap



SERAMAI 70 pelajar IPT menerima sijil tamat latihan Program Eksekutif Halal bergambar bersama Mukhriz.

jaminan status halal produk lebih diyakini," katanya ketika berucap sebelum menyampaikan sijil berkenaan di sini.

Tahun lalu, seramai 70

pelajar politeknik menerima pensijilan sama.

Kumpulan kedua eksekutif halal itu dihasilkan menerusi program anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Halal

Malaysia (HDC) membabitkan 32 pelajar UIAM dan 38 penuntut USIM.

HDC mula menganjurkan Program Eksekutif Halal pada 2010 bagi memenuhi

keperluan pembangunan modal insan dalam industri halal.

Pengambilan berikutnya pada bulan depan membabitkan 105 pelajar iaitu 35 grad-

uan ijazah Kolej Antarabangsa KFC, 35 pelajar diploma Kolej Uniti Port Dickson serta 35 penuntut diploma Politeknik Metro Kuantan.

HEP dijalankan selama enam bulan khusus bagi pelajar ijazah dan diploma bidang syariah, teknologi makanan, bioteknologi, kimia dan biokimia.

Dalam majlis berkenaan, Mukhriz melancarkan program baru ditawarkan HDC, Program Eksekutif Penganalisis Halal yang lebih menyeluruh kerana membabitkan modul analisis saintifik dan kerja makmal.

HAP dianjurkan menerusi kerjasama HDC, Biotech Corporation dan Taman Teknologi Malaysia bagi melahirkan Penganalisis Halal yang berperanan mengesahkan proses pensijilan halal organisasi atau entiti komersial berasaskan kaedah saintifik serta pematuhan terhadap Piawaian Halal Malaysia MS1500:2009.

Program enam bulan itu merangkumi dua bulan sesi teori, tiga bulan latihan praktikal dalam makmal dan latihan industri selama sebulan.